



**PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN**  
 Ke arah 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan



www.pemandu.com.my



# Unit Naziran PDRM menyokong kejayaan NKRA

BH-16/08/10

Tiga pendekatan dilaksana bagi kekang rasuah di kalangan anggota

Oleh Habsah Dinin  
 ecah@bharian.com.my

**T**IGA langkah dilakukan bagi memastikan Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) rasuah dicapai sepenuhnya selaras usaha kerajaan membanteras rasuah.

NKRA rasuah bertujuan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap agensi penguatkuasaan dan undang-undang, mengurangkan kebocoran perolehan kerajaan dan membanteras rasuah.

Beberapa pelan dilancarkan di bawah inisiatif NKRA dalam usaha menghapuskan gejala rasuah. Ini termasuk memperkenalkan dan mengukuhkan Unit Pematuhan.

Satu daripada 27 inisiatif Makmal Rasuah NKRA adalah menangani salah laku dalam agensi penguatkuasaan dan undang-undang serta perolehan kerajaan.

Unit Pematuhan ini memainkan peranan penting bagi memenuhi objektif NKRA Rasuah, jelas Ketua Unit Naziran, Unit Kawal Selia Ketua Polis Negara (Tatatertib) Bukit Aman, Superintendan Chew Tham Soon.

"Ini bagi memastikan kami berjaya mengekang peluang salah laku dan rasuah serta mengekalkan disiplin dan imej organisasi yang disegani," ujar Chew.

Ketika ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengetuai agensi memantau NKRA Rasuah dan turut memerhati perkembangan unit pematuhan di empat agensi iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia (Kastam), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Imigresen.

Semua empat agensi ini dikatakan memiliki integriti terendah pada 2007 dalam Kajian Tanggapan Ketelusan Malaysia 2007 menubuhkan unit pematuhan bagi mengatasi sebarang salah laku yang boleh me-



LANGKAH banteras rasuah di kalangan anggota polis catat kejayaan membanggakan.

nyebabkan amalan rasuah.

"Kami ada tiga pendekatan membanteras rasuah iaitu dengan mengukuhkan unit pematuhan di agensi penguatkuasaan, mengenakan tindakan disiplin dan memberi penghargaan kepada pegawai yang menolak rasuah," kata Chew.

Chew berkata, di PDRM setiap pegawai perlu mematuhi IGSO (Arahan Ketua Polis Negara) dalam melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab serta adil dan ini memastikan tiada ruang bagi mereka melanggar hak kemanusiaan.

"Unit Naziran melakukan pemeriksaan berkala dan pemeriksaan mengejut ke atas setiap pegawai bagi memastikan pegawai bertugas mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan serta prosedur setiap jabatan," jelasnya.

"Sebarang pelanggaran undang-undang dan peraturan atau arahan boleh menyebabkan salah laku, tidak mematuhi arahan KPN, tidak jujur dan pecah amanah, serta cuai

**INFO**

Penerima sijil penghargaan dan hadiah wang tunai kepada pegawai polis yang menolak rasuah.

Tarikh	Pegawai Kanan	Polis Rendah Pangkat (PRP)	Jumlah
30 Jun 2009	-	2	2
18 Mac 2010	7	58	65
28 April 2010	9	41	50
9 Julai 2010	6	19	25
<b>Jumlah</b>	<b>22</b>	<b>120</b>	<b>142</b>

melaksanakan tugas," ujarnya.

Beliau menjelaskan, tugas Unit Naziran PDRM adalah memastikan Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah (SKDD) yang diperkenalkan pada 2006 dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi menutup semua ruang salah laku dalam jabatan.

"Satu daripada tujuan utamanya ialah mengurangkan salah guna kuasa. Oleh itu pegawai tidak boleh bertindak dengan sendiri tanpa merujuk kepada ketuanya. Sebarang salah guna kuasa mesti diambil tindakan dan perlu dilaporkan untuk rujukan," tambahnya.

Pendekatan kedua ialah mengambil tindakan disiplin dengan segera sama ada berdasarkan aduan atau laporan salah laku.

Katanya, siasatan akan dilakukan mengikut aduan diterima dan tindakan akan diambil terhadap pegawai yang terbabit dalam tempoh enam bulan.

"Kami bukan pilih sesuka hati. Setiap aduan disiasat dengan teliti," kata Chew.

Bagi menghargai pegawai yang jujur, PDRM memberikan penghargaan kepada pegawai yang menolak rasuah dan mengambil tindakan



**“**Tugas Unit Naziran PDRM adalah memastikan Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah (SKDD) yang diperkenalkan pada 2006 dilaksanakan dengan lebih berkesan”

**Superintendan Chew**

**Tham Soon**

Ketua Unit Naziran, Unit Kawal Selia  
 Ketua Polis Negara (Tatatertib)  
 Bukit Aman

terhadap yang terbabit dengan merujuk mereka kepada SPRM. Ia satu lagi inisiatif di bawah NKRA Rasuah yang dilaksanakan PDRM.

"Sejak diperkenalkan, KPN memberikan surat penghargaan dan hadiah wang tunai kepada 22 pegawai tinggi dan 120 pegawai berpangkat rendah yang menolak rasuah.

"PDRM juga menerima penghargaan daripada SPRM kerana integriti tinggi menolak rasuah dan membantu suruhanjaya itu mendedahkan mereka yang terbabit," katanya.

Chew berkata, setiap agensi penguatkuasaan mesti bertindak selari dengan matlamat Pelan Integriti Nasional (PIN) yang bertujuan mengurangkan rasuah, salah laku dan salah guna kuasa dan pada masa sama meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian awam.

Beliau menambah, tugas kawalan dan pengawasan disiplin adalah tanggungjawab semua pegawai sebagai mana termaktub di bawah Seksyen 3c Pegawai Awam (Tugas dan Disiplin) Peraturan (Pembaharuan) 2002.



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
 Talian Bebas Tol : 1-800-88-6000  
 Laman Web : www.sprm.gov.my  
 E-mel : info@sprm.gov.my  
 SMS : 019-6000696

**Bersama Lakukan Perubahan Perangi RASUAH**